

Malaysia-Tatarstan bincang kerjasama ekonomi

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia dan Republik Tatarstan membincangkan kerjasama ekonomi dengan pelabur-pelabur di wilayah itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu antara yang dibangkitkan dalam pertemuan dengan Ketua Republik Wilayah Tatarstan, Rustam Minnikhanov di Vladivostok.

"Pertemuan tersebut bagi meraikan persahabatan erat antara Malaysia dan Republik Tatarstan selain turut membincangkan pelbagai isu termasuk kerjasama dari segi ekonomi dengan pelabur-pelabur dari Tatarstan dan Mesyuarat Kumpulan Visi Strategik Dunia Rusia-Islam.

"Saya juga mengambil peluang menerangkan hala tuju Malaysia dalam beberapa bidang strategik berdasarkan polisi yang digariskan di bawah Ekonomi Madani termasuk bidang transformasi digital, peralihan tenaga, pelancongan dan keterjaminan makanan," katanya dalam kenyataan semalam.

Anwar ketika ini dalam lawatan kerja dua hari termasuk menghadiri Forum Ekonomi Timur (EEF) kesembilan di



ANWAR Ibrahim menerima kunjungan hormat Timbalan Pengerusi Pertama Majlis Mufti Russia, Rushan Hazrat Abbyasov di Vladivostok, Russia semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Russia.

Wisma Putra sebelum ini memaklumkan, Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan di Sesi Pleno pada EEF bagi menggalakkan pelaburan dan pembangunan ekonomi serta kerjasama antarabangsa di rantau berkenaan.

Anwar dijadual mengadakan mesyuarat dua hala dengan

Presiden Russia, Vladimir Putin sebagai platform kepada kedua-dua pemimpin untuk menilai dan membincangkan hubungan dua hala.

Ini termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan tinggi, teknikal dan vokasional (TVET), pertanian dan keterjaminan makanan serta pelancongan.

Kedua-dua pemimpin akan meneroka kerjasama dalam bidang baharu seperti aeroangkasa dan teknologi lanjutan serta bertukar-tukar pandangan mengenai konflik Russia-Ukraine dan situasi di Timur Tengah.

Anwar dan Putin dijangka membincangkan kerjasama dalam ruang lingkup hubungan Rakan Dialog ASEAN-Russia.